

MENYINGKAP SEJARAH DAN KEUNIKAN KELLIE'S CASTLE

Lawatan ke Perak menjadi menarik dengan kunjungan ke istana kota, Kellie's Castle, yang terletak di Jalan Gopeng, Batu Gajah, Perak yang hanya 197 kilometer dari Kuala Lumpur, iaitu anggaran tiga jam masa pemanduan.

Tujuan pembinaan Kellie's Castle dikatakan seperti tujuan pembinaan Taj Mahal, iaitu sebagai simbol cinta kepada seorang wanita yang bergelar isteri. Cuma bezanya, Taj Mahal dibina oleh Maharaja Shah Jahan buat isterinya, Mumtaz Mahal, manakala Kellie's Castle dibina oleh rakyat Scotland bernama William Kellie Smith buat isterinya, Agnes. Binaannya yang seperti istana lama di Scotland menjadikan Kellie's Castle unik dan berbeza.

Di tepi Kellie's Castle, terdapat puing sisa binaan yang dikatakan tidak sempat disiapkan. Sebahagian daripada binaan ini turut musnah kerana Perang Dunia Kedua. Yang turut terdapat di situ ialah sebuah binaan yang dinamakan Rumah Kellas. Rumah

Kellas merupakan kediaman rasmi William Kellie Smith dan Agnes. Agnes kemudiannya meminta William membina sebuah rumah lain yang lebih selesa. Demi cintanya terhadap isteri, ditambah pula isterinya baru melahirkan anak kedua mereka, Anthony, maka William berusaha keras untuk membina Kellie's Castle.

Memasuki ruang utama tempat bersejarah ini, dipaparkan penerangan berkenaan dengan sejarah Kellie's Castle. Berdasarkan sejarah tersebut, William Kellie Smith ingin mencuba nasib bagi meningkatkan kekayaan dengan menceburi beberapa projek awam di sini selain membeli beberapa ladang getah dan kopi. Kegigihan beliau mencuba nasib untuk menjadi jutawan boleh dijadikan contoh buat para usahawan masa kini kerana beliau mencuba pelbagai jenis perniagaan di Tanah Melayu pada ketika itu. Di ruang utama itu juga ada diletakkan diorama hiasan lama.


Selain itu, di Kellie's Castle juga terdapat bilik bawah tanah. Untuk melalui lorong menuju ke bilik itu memerlukan kudrat pengunjung menuruni tangga dan laluan yang agak sempit. Kellie dikatakan sengaja membina terowong itu sebagai langkah





Papan tanda penerangan berkenaan dengan Rumah Kellas.

Foto William Kellie Smith (kanan sekali) bersama-sama isterinya, Agnes (kiri sekali) sedang melayani tetamu di Kellie's Castle.



William Kellie Smith membawa 70 orang pekerja dari Madras, India, untuk mendirikan istana yang dibina tanpa menggunakan paku.

Terdapat kisah yang mengatakan terdapat lebih daripada satu terowong di bawah istana ini, malah ada juga yang menyatakan bahawa terdapat beberapa pembesar dan raja yang pernah menjadikan terowong itu sebagai tempat perlindungan diri ketika berlakunya peperangan.

keselamatan buat ahli keluarganya ketika waktu kecemasan. Terdapat kisah yang mengatakan terdapat lebih daripada satu terowong di bawah istana ini, malah ada juga yang menyatakan bahawa terdapat beberapa pembesar dan raja yang pernah menjadikan terowong tersebut sebagai tempat perlindungan diri ketika berlakunya peperangan.

Menuju ke tingkat dua istana ini memerlukan pengunjung perlu mendaki tangga yang agak curam dan sempit. Apabila melihat reka bentuk Kellie's Castle, penulis berpendapat bahawa anggaran kos pembinaan Kellie's Castle ini memerlukan jumlah yang tinggi sehinggakan William Kellie Smith terpaksa membuat pinjaman daripada sebuah firma di Singapura pada ketika itu.

Di tingkat tiga istana ini, sekali lagi pengunjung perlu mendaki tangga yang curam. Menurut sejarah, di tingkat inilah dijadikan tempat untuk bersantai. Dari sini dapat dilihat dengan jelas pemandangan di sekitar Kellie's Castle termasuklah sungai dan jalan di bahagian hadapan istana ini. Penulis berpendapat bahawa golongan elit seperti William Kellie Smith sangat bijak menjadikan ruangan ini sebagai tempat bersantai berbanding dengan laman bawah kerana pemandangan yang indah dapat dinikmati dari tingkat ini, selain penerimaan cahaya matahari yang lebih baik.


Eksplorasi Kellie's Castle ini menarik ibarat meneroka terowong masa apabila setiap ruangan di dalam istana ini memaparkan kisahnya yang tersendiri. Binaannya seolah-olah membawa pengunjung pergi ke zaman penjajahan British terhadap Tanah Melayu. Andai Kellie's Castle ini disiapkan sepenuhnya, mungkin binaannya akan menjadi lebih indah. Namun begitu, disebabkan oleh pelbagai halangan dan kematian William Kellie Smith di Lisbon, Agnes mengambil keputusan untuk tidak menetap di Batu Gajah dan kembali ke Scotland.

Bagi penggemar sejarah, tempat ini mungkin menjadi antara tempat kegemaran mereka untuk mengkaji sejarah istana ini, selain waktu kegemilangan Perak Darul Ridzuan yang kaya dengan hasil bumi. Pengunjung juga boleh mengambil iktibar daripada ketabahan dan usaha gigih William Kellie Smith mengusahakan kekayaan melalui kolaborasi bersama-



Rakaman dari tingkat dua, kelihatan pondok atau gazebo berkonsepkan Inggeris yang menghadap aliran sungai di hadapan Kellie's Castle.

Eksplorasi Kellie's Castle ini menarik ibarat meneroka terowong masa apabila setiap ruangan di dalam istana ini memaparkan kisahnya yang tersendiri. Binaannya seolah-olah membawa pengunjung pergi ke zaman penjajahan British terhadap Tanah Melayu.




Sebahagian daripada binaan Kellie's Castle yang tidak sempat disiapkan dan musnah akibat daripada Perang Dunia Kedua, namun binaan ini masih kukuh hingga kini.

sama Alma Baker dalam pelbagai projek di sekitar Perak, antaranya termasuklah tanaman komoditi seperti getah dan kopi serta perusahaan bijih timah di Perak.

Bagi pengunjung yang ingin berkunjung ke Kellie's Castle, anda digalakkan untuk datang pada waktu pagi kerana pada pukul 5.00 petang, siren dan wisel akan dibunyikan sebagai tanda kepada semua pengunjung untuk mengosongkan Kellie's Castle. Di Kallie's Castle turut disediakan kafe, kedai cenderamata, surau, tandas dan khidmat jurugambar profesional sebagai kemudahan kepada pengunjung. 📸



pemandangan dari tingkat tinggi di Kellie's Castle.



Sekitar pemandangan di bahagian dalam Kellie's Castle.



Ruang lif di tingkat tiga Kellie's Castle.

